

Larangan ambil minuman keras demi kebaikan

Singapura yang tidak asing dengan gelaran *Fine City* atau 'Bandar Denda' melaksanakan satu lagi undang-undang berkuat kuasa 1 April lalu.

Pada saat rakyat Malaysia dilanda demam Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), penduduk negara seberang tambak itu berhadapan dengan larangan penjualan dan mengambil minuman keras di tempat awam yang berkuat kuasa dari jam 10.30 malam hingga 7 pagi setiap hari. Selain itu, kedai serbaneka juga dilarang menjual minuman berkeenaan.

Walaupun begitu, larangan ini tidak bermaksud Singapura mengharamkan minuman keras secara total, kerana penduduknya dibenarkan memiliki dan mengambil minuman berkeenaan

di rumah, majlis yang mendapat permit dan tempat berlesen seperti kelab malam dan kedai kopi di mana mereka mempunyai lesen penjualan alkohol.

Ramai rakyat Singapura tak setuju

Maklum balas mendapati ramai penduduk Singapura tidak setuju dengan larangan itu. Sebuah akhbar yang melaksanakan pungutan suara dalam talian mendapati 80 peratus daripada pembaca menolak pelaksanaan undang-undang berkeenaan.

Bagaimanapun, Menteri Kedua Hal Ehwal Dalam Negerinya, S Iswaran, berkata sebanyak 47 kes rusuhan dan 115 kes kecederaan serius direkodkan pada tahun 2014 termasuk tikaman memba-

bitkan mereka yang berada di bawah pengaruh alkohol. Beliau menambah bahawa trend ini terus meningkat dan kebanyakan kes berlaku selepas 10.30 malam.

Melalui larangan itu, orang awam yang dikesan melakukan kesalahan itu akan diserahkan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan dan boleh dikenakan hukuman denda S\$1,000 (kira-kira RM2,600). Bagi mereka yang mengulangi kesalahan boleh didenda sehingga S\$2,000 dan akan menjalani hukuman penjara selama tiga bulan. Kesalahan yang dilakukan penjual akan dikenakan denda sehingga S\$10,000.

Saya berpandangan, larangan ini adalah langkah bijak yang da-

pat dilaksanakan Kerajaan Singapura walaupun majoriti penduduknya terdiri daripada mereka yang bukan Islam.

Walaupun larangan ini bukan atas dasar agama, langkah ini sedikit sebanyak dapat memberi impak kepada bilangan peminum arak, sekali gus dapat mengurangkan kadar jenayah atau rusuhan yang disebabkan oleh pengaruh dan kesan daripada mengambil minuman keras.

Islam larang minuman keras
Agama Islam jelas melarang keras umatnya mendekati minuman keras. Sedangkan mereka yang menjual minuman keras pun diharamkan, apatah lagi meminumnya. Di sini kita dapat

melihat peraturan yang disusun rapi Yang Maha Agung, tersirat hikmah bagi kemaslahatan manusia kerana Dia lebih mengetahui kesan buruk yang akan berlaku jika minuman keras dihalalkan. Selain daripada jenayah, alkohol juga memberi kesan buruk terhadap kesihatan individu.

Justeru, tidak mustahil bagi Malaysia yang sememangnya sebuah negara Islam dan banyak mempraktikkan nilai-nilai Islam melaksanakan pengharaman minuman keras yang kian menjadi tarikan dalam kalangan remaja Islam.

Jika tidak dapat dilaksanakan sekali gus, memadai dengan langkah berperingkat bagi mengelakkan mereka yang mengaku Muslim terus hanyut dengan alkohol.

Nadiah Mohd Kamil
Universiti Sains Islam Malaysia